

Y.A.B. Dato Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 Julai lepas di Stadium Putra Bukit Jalil dalam satu upacara gilang-gemilang yang turut dihadiri oleh hampir 10,000 warga desa.

Penekanan Gerakan Daya Wawasan adalah kepada tiga daya iaitu daya manusia, daya ekonomi dan daya pasaran.

Daya Manusia merujuk kepada modal insan seperti pendidikan, pengalaman dan umur, potensi diri seperti kebolehan, kemahiran, pengetahuan, nilai, budaya, sikap dan modal sosial seperti hubungan kekeluargaan, kejiranan dalam komuniti dan jaringan dengan pihak luar.

Daya ekonomi pula merupakan sumber kewangan seperti simpanan, pelaburan dan perusahaan, sumber tempatan samada semula jadi atau bukan semula jadi serta teknologi tempatan dan sistem sokongan iaitu perbankan.

Daya pasaran pula meliputi pengeluaran produk berorientasikan pasaran dan kualiti yang berterusan, jaringan pasaran yang luas dan terancang, harga yang kompetitif, promosi dan publisiti yang agresif dan pengurusan pengeluaran dan kewangan yang mantap.



Memang ini merupakan satu tugas yang agak rumit tetapi dengan pendekatan dan rombakan yang baru dalam GDW pendapatan bersih penduduk luar bandar akan meningkat, sekaligus mengurangkan jurang pendapatan mereka dengan penduduk bandar.

Pembangunan luar bandar bukan sahaja menjadi tanggungjawab KPLB tetapi juga kementerian-kementerian lain. Walau bagaimanapun peranan KPLB yang meliputi pembangunan spatial dan sektoral menempatkan KPLB sebagai tunjang pembangunan desa. Oleh itu KPLB bertanggungjawab dalam mencartakan arah tuju pembangunan desa bagi mencapai matlamat Dasar Wawasan Negara.

Pelaksanaan GDW sebagai agenda nasional memerlukan kesepaduan tindakan dan matlamat dalam aktiviti pembangunan desa melalui konsep desa sepadu. Konsep ini merujuk kepada kerjasama bersepadu di antara jabatan serta agensi diperingkat kerajaan pusat, negeri dan daerah dalam melaksanakan projek dan program pembangunan desa dalam usaha mewujudkan desa yang maju dan berjaya.

Pelaksanaan GDW juga perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama iaitu sebagai agenda nasional dan bukan hanya tanggungjawab KPLB kerana ia memerlukan pendekatan yang holistic untuk

merialisasikannya sebagai satu gerakan yang benar-benar berkesan dalam mencapai matlamat pembangunan manusia dan ekonomi yang seiring dengan perkembangan semasa.

Pelaksanaan ini akan melibatkan 8.83 juta penduduk luar bandar ke arah individu cemerlang, keluarga yang sejahtera dan masyarakat yang berdaya tahan. Kejayaan pelaksanaan GDW bergantung kepada keupayaan mewujudkan satu treshold atau critical mass penduduk luar bandar dalam

proses pembangunan sosio-ekonomi.


Ini selaras dengan pelaksanaannya sebagai satu agenda nasional dalam membangunkan sektor luar bandar. Peningkatan daya dalam GDW hendaklah di lihat secara menyeluruh dengan penuh tanggungjawab untuk melahirkan penduduk desa yang berdisiplin dan membantu dalam mewujudkan nation building yang mempunyai nilai-nilai murni dalam bentuk acuan kita sendiri sebagaimana yang dituntut dalam Wawasan 2020.



KPLB mahu memastikan pendapatan bersih penduduk luar bandar melepasi garis kemiskinan menerusi GDW dan ini boleh dicapai dengan menterjemahkan projek-projek seperti perladangan dan ternakan yang sedang dilaksanakan sekarang ke dalam soal menambah pendapatan penduduk kampung terbabit.

Pada masa yang sama GDW akan memastikan penduduk luar bandar yang terlibat sekurang-kurangnya akan mempunyai aktiviti perniagaan sendiri dan tidak bergantung kepada pendapatan hasil ladang sahaja.

Pendekatan berkenaan difikirkan lebih berkesan kerana kita tidak hanya mahu mengutamakan kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi lebih kepada pembangunan manusia itu sendiri supaya penduduk luar bandar lebih berdaya saing dan mampu berdikari.



“Pembangunan luar bandar bukan sahaja menjadi tanggungjawab KPLB tetapi juga kementerian-kementerian lain”



Gerakan Daya Wawasan

